

Headline	PISANG KAKI SUBUR DI IKLIM SEJUK		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	14 Feb 2017	Circulation	179,231
Section	Agro	Readership	537,693
Page No	8	ArticleSize	267 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 10,478
Journalist	N/A	PR Value	RM 31,434
Frequency	Daily		



PISANG KAKI SUBUR DI IKLIM SEJUK

SEKILAS

Buah pisang kaki atau persimmon berasal dari China dan kini banyak ditanam di negara beriklim sejuk seperti Jepun, Amerika dan Eropah.

Malaysia dan Thailand juga menghasilkan pisang kaki secara komersial. Di negara ini, pisang kaki boleh didapati di Cameron Highlands.

Pisang kaki ditanam menggunakan biji dan juga boleh dibiak melalui cantuman atau anak benih akar yang tumbuh sendiri.

Buahnya jenis beri berbentuk bulat leper atau hampir empat segi leper dan mempunyai pelbagai saiz. Jenis yang besar berukuran garis pusat 10 sentimeter (sm) dan tebal 5 sm.

Buah yang belum masak berwarna hijau dan selepas masak berwarna kuning, jingga atau hampir merah. Kelopak kaliksnya kekal pada buah walaupun buahnya masak.

Buah pisang kaki ada yang berbiji dan ada juga yang tidak mempunyai biji. Ada yang mempunyai hingga 10 biji di dalam setiap buah.


Pokok pisang kaki adalah sejenis pokok kecil hingga sederhana dengan ketinggian hingga 15 meter (m). Batang pokoknya pendek, keras, berwarna hitam bergaris-garis dan penuh dengan butir-butiran.

Batangnya juga bengkang-bengkok, mempunyai banyak cabang, ranting dan menggugurkan daun.

Bunga jantan dan bunga betina pada pokok yang sama. Bunga jantan keluar pada tangkai yang pendek iaitu tiga hingga lima kuntum.

Pembuangan atau penjarangan bunga perlu dilakukan bagi memperoleh buah yang berkualiti.

Bahagian yang digunakan dalam perubatan tradisional adalah buah, daun dan tanin. **Sumber:** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)



POKOK pisang kaki.



BUAH pisang kaki.